



Soal Jawab Agama

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA' di dalam Portal UniMAP. Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih sesuai untuk bacaan umum.

SOALAN 1

Keluarga saya mempunyai 2 ekor kucing jantan, salah seekor kucing itu telah kami 'kasi' kan. Tujuan 'kasi' tersebut adalah untuk mengelakkan kucing kami jadi liar dan juga untuk elakkan kucing tersebut tidak pulang ke rumah. Masalahnya sekarang saya menjadi kasihan dan rasa bersalah kepada kucing tersebut kerana dia hanya bermain sendirian. Apakah hukum 'kasi' haiwan?

JAWAPAN 1

Mengikut hukum, meng'kasi'kan kucing adalah harus kerana menjaga beberapa kemungkinan ammah seperti tidak mahu membakar terlalu banyak, untuk menjaga kebersihan, mengelakkannya daripada berkeliaran dan sebagainya yang boleh memudaratkan. Sebaiknya begini, apabila membela haiwan, hendaklah dicari berpasangan (jantan dan betina) agar kita tidak menyeka kehendak kucing tersebut. Wallahu a'lam

SOALAN 2

Bolehkah Ustaz ceritakan sedikit mengenai Kitab Tajul Muluk? Sebagai umat Islam, bolehkah kita ikut kitab tersebut atau pun wajib kita hindari?

JAWAPAN 2

Kitab tersebut dikatakan agak tinggi. Jika anda punya asas yang kukuh, bolehlah anda baca kitab yang sebegini. Ataupun, jika anda mempunyai guru yang boleh membimbangi, bolehlah anda belajar dengannya. Wallahu a'lam

SOALAN 3

Dalam hidup ini kita kena redha pada qada dan qadar. Soalan saya, ada ketikanya kita merasakan takdir yang menimpakan sesuatu yang tidak boleh diterima atau dalam ayat lain, kita tidak redha. Jadi, bagaimana caranya untuk mengatasi hati ini supaya sentiasa redha di atas qada dan qadar serta ketentuan Allah?

JAWAPAN 3

Setiap perkara yang terjadi pasti ada hikmahnya. Setiap manusia juga telah ditetapkan segala takdir kehidupannya. Ramai juga manusia hari ini apabila sesuatu menimpa dirinya, seolah-olah susah untuk menerima hakikat yang ianya ditimpa musibah contohnya ketika berlakunya kemalangan. Perkara tersebut boleh dielak dengan memandu berhati-hati tetapi sekiranya terjadi juga maka itu adalah qada' dan qadar dari Allah. Wajib bagi manusia beriman dengan qada' dan qadar. Kadangkala manusia merancang tetapi perlu juga kita ingat bahawa Allah juga merancang dan Allah Yang Maha Esalah sebaik-baik Maha Perancang. Maka itu adalah kehendakNya dan yang pastinya setiap perkara yang terjadi pasti ada hikmah yang kadang kala tidak mampu ditafsir dalam jangka masa yang terdekat. Wallahu a'lam

SOALAN 4

Saya ada sedikit kemasukilan. Bagaimana kita hendak membayar nazar sekiranya kita bernazar untuk berpuasa 3 hari. Apakah niatnya?

JAWAPAN 4

Anda boleh berpuasa seperti biasa dengan niat "Sahaja aku berpuasa nazar kerana Allah Ta'alā." Cumanya, pastikan niat itu betul. Jika anda nazar berpuasa 3 hari berturut-turut, ia perlu ditunaikan secara berturut-turut. Jika tidak tertakluk pada perkara sedemikian, bolehlah dilakukan secara berselang seli. Wallahu a'lam.

SOALAN 5

Apakah tujuan kita hidup? Apakah yang dimaksudkan dengan taqwa?

JAWAPAN 5

Tujuan hidup manusia di atas muka bumi ini ialah untuk mengabdikan (ibadah) diri pada Yang Maha Pencipta di samping melakukan amalan-amalan yang disuruh dan meninggalkan perkara-perkara yang telah dilarang olehNya. Adapun maksud kepada taqwa itu ialah beramal dengan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Kerana sifat taqwa itu duduk di dalam hati. Tiada siapapun yang nampak apa yang ada di dalam hati. Cuba kita fikirkan mungkin pagi kita beriman dengan Allah dan seterusnya beramal soleh atau solat. Tiba-tiba di waktu malam kita mencuri atau berzina. Maka orang ini tidak bertaqwa kepada Allah. Namun kesan dari perwatakan malam tadi, walaupun perkara itu tidak nampak dan diketahui oleh umum, tetapi ianya tetap dilihat oleh Allah dan kerajaan-kerajaanNya. Sebab itulah juga perkara TAQWA itu mestilah ada kejujuran di antara diri sendiri dan juga Rabbi. Wallahu a'lam.

SOALAN 6


Apakah hukum membaca Bismillah sebelum surah Al-Fatiyah di dalam solat?

JAWAPAN 6

Hukum membaca Al-Fatiyah di dalam solat ada wajib dan ia merupakan satu rukun iaitu dengan membaca surah Al-Fatiyah. Anda boleh melihat Bismillah di permulaan surah Al-Fatiyah dan ianya sudah dikira sebagai ayat 1.

SOALAN 7

Apakah hukumnya jika seseorang muslim yang nyata mengetahui haram menilik nasib, tetapi hanya melakukannya sekadar suka-suka, dan sekadar hendak tahu apa yang hendak dikatakan oleh penilik nasib tersebut. Muslim tersebut tidak bermaksud untuk mempercayai dan pada masa yang sama dia yakin setiap nasib datang dari Allah.



Cuba kita fikirkan mungkin pagi kita beriman dengan Allah dan seterusnya beramal soleh atau solat. Tiba-tiba di waktu malam kita mencuri atau berzina. Maka orang ini tidak bertaqwa kepada Allah. Namun kesan dari perwatakan malam tadi, walaupun perkara itu tidak nampak dan diketahui oleh umum, tetapi ianya tetap dilihat oleh Allah dan kerajaan-kerajaanNya.

JAWAPAN 7

"Bukan dari golongan kami sesiapa yang merasa sial atau meminta diramalkan kesialannya atau merenung nasib atau minta ditenungkan atau mensihirkan atau meminta disihirkan". (Dikeluarkan oleh at-Tabrani di dalam Mu'jam al-Kabir - no: 14770; Silsilah al-Ahadis as-Sahihah - no: 2195). "Barangsiapa mendatangi tukang ramal atau dukun lalu dia membenarkan apa-apa yang dikatakan maka sungguh dia telah kafir terhadap apa yang telah diturunkan kepada Muhammad". (Dikeluarkan oleh Imam Ahmad di dalam Musnadnya dan dinilai Hasan oleh Syu'aib al-Arnouth - no: 9532). Bagaimana pula sekiranya sekadar suka-suka. Tidak semestinya percaya pada ramalan. Rasulullah salallahu 'alaihi wasallam memberikan amaran: "Barangsiapa yang mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib dan bertanya kepada dia sesuatu maka tidak diterima solatnya selama empat puluh malam". (Sahih Muslim - no: 2230). Dengan itu, berhati-hatilah anda. Wallahu a'lam.

SOALAN 8

Jika saya berwuduk dan kemudian menunaikan solat. Kemudian, solat yang didirikan itu terbatal. Selepas itu, saya solat semula, tetapi solat saya terbatal sekali lagi. Jika keadaan yang sama berulang untuk solat kali yang ketiga, adakah wuduk saya batal jika solat saya batal buat kali yang keempat?

JAWAPAN 8

Jika terbatalnya wuduk, maka secara sendiri terbatallah solat walaupun kali ke empat atau sepuluh. Kerana syarat sah solat mestilah ada wuduk. Wallahu a'lam.

SOALAN 9

Saya mempunyai masalah berkenaan dengan kedai ayah saya. Ayah saya seorang peniaga dan sejak kebelakangan ini perniagaannya sangat merosot. Suatu hari, ada seorang hamba Allah yang kuat beragama mengatakan beliau merasai sesuatu ketika melangkah ke dalam kedai ayah saya, seperti ada orang yang telah menggunakan ilmu hitam untuk merosakkan perniagaan ayah saya. Saya harap Ustaz boleh membantu saya dalam menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN 9

Jangan terlalu percaya akan perbuatan yang disangkakan oleh seseorang tersebut. Kadang-kadang Allah tidak memberi rezeki yang melimpah ruah pada hari tersebut tetapi pada hari lain rezeki datang mencurah-curah. Umpama seorang peniaga dikala waktu hujan, ia kerugian yang teramat sangat sehingga kadang-kadang menyebabkan tidak pulang modal. Tetapi pada hari lain dia berniaga hanya sekitar 3 jam sudah habis semuanya. Allah sudah janjikan setiap orang mempunyai rezeki masing-masing. Apapun, banyakkan berdoa dan bertawakkal kepada Allah dan banyakkan membaca Ayatul Kursi untuk mengelak dari sebarang gangguan sihir. Wallahu a'lam

SOALAN 10

Adakah benar dalam Surah Al-Fatiyah terkandung nama syaitan sekiranya kita salah menyebut ayat-ayat tertentu di dalam surah tersebut?

JAWAPAN 10

Beberapa kesalahan di dalam surah Al-Fatiyah jika tersalah baca akan menjadikan ianya maksud yang berlainan. Contoh : 1) DU LI LAH (bila dibaca tiada sabdu) sepatutnya DULILLAH 2) HIR ROB (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya HI ROB 3) KI YYAU (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya KI YAU 4) KANNAK (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya KA NAK 5) KANNAS (bila dibaca dengan sabdu) sepatutnya KA NAS 6) IYA (disebut tanpa sabdu) sepatutnya IYYA. Iya bermaksud matahari. Dalam ayat ke 5, jika salah bacaannya akan bermaksud kepada mataharilah yang kami sembah dan kepada matahari kami meminta pertolongan!!!! 7) SIROTHOLLAZI. sehingga habis hendaklah dibaca tanpa henti. Wallahu a'lam.

Sumber: Unit Agama Islam

